

## Cerita: Kedudukan Dan Peranannya Dalam Karya Kreatif Penulis Wanita Sebelum Merdeka

Ungku Maimunah Mohd. Tahir

[ungkumaimunah@yahoo.com](mailto:ungkumaimunah@yahoo.com)

Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA)

Universiti Kebangsaan Malaysia

### Abstrak

Makalah ini merungkai novelet *Jiwa Kebangsaan* untuk menyerlahkan sama ada prioriti penstrukturran novelet tersebut ialah membuat-cerita atau membina-wacana, di samping mengenal pasti elemen naratif penceritaan yang diguna pakai. Untuk tujuan tersebut, makalah memanfaatkan kerangka analisis tempatan iaitu Persuratan Baru, secara khusus konsepnya yang membezakan antara ilmu dan cerita. Perbezaan ini dapat dikesan melalui pelbagai cara, antara yang terpenting ialah penggunaan wacana, iaitu hujah-hujah berenas dan ilmiah yang baginya disediakan ruang naratif yang secukupnya dalam kisah yang dilakarkan. Sebaliknya, cerita, menurut gagasan ini, berlegar dan beroperasi pada matlamat pengisahan dan mengisi ruang naratifnya dengan elemen-elemen penceritaan. Analisis menunjukkan bagaimana teks telah memanfaatkan elemen penceritaan khususnya watak, perwatakan dan komplikasi untuk memajukan cerita ke hadapan; sejajar itu ruang naratifnya ditutup kepada isian bersifat wacana dan ilmu, walaupun peluang untuk memanfaatkan pengisian ilmu itu ada. Analisis teks jelas menunjukkan *Jiwa Kebangsaan* dikuasai oleh cerita, dan cerita pula disamaartikan dengan permasalahan, persoalan, tema, isu dan lain-lain, yang kesemuanya pula ditakrifkan sebagai ilmu. Dengan tidak membezakan antara ilmu dan cerita, novelet mengandaikan apabila cerita telah terbangun, maka tugas menyampaikan ilmu sudah terlaksana. Cerita itu sendiri lantas dianggap sebagai ilmu dan diperagakan sedemikian. Analisis jelas menunjukkan dakwaan ini tertolak.

**Katakunci:** ilmu, cerita, ruang naratif, prioriti penstrukturran, Persuratan Baru.

## Story: Its Status And Function In The Works Of Pre-war Malay Women Writers

### Abstract

This article analyses the novelette *Jiwa Kebangsaan* in order to highlight its structural priority, whether to foreground story-making or discourse-developing, besides identifying the narrative devices which the text employs. To that end, the article makes use of Malaysia's home-grown theoretical framework *Persuratan Baru*, in particular its distinction between 'story' and 'knowledge'. The distinction can be detected through

several means, the most important of which is the use of discourse, defined as substantive and academic arguments, whose creative inclusion is achieved through providing adequate narrative space in the story being unfolded. On the other hand, story, which serves to construct a tale, revolves round and operates on the narrative level and fills up its narrative space with narrative elements. The analysis shows how the text studied employs such narrative elements as character and characterization as well as conflict to move the story forward, at the same time that it closes up its narrative space to discourse, albeit opportunities to do so are available. The analysis makes clear the fact that the principle of story-making structures *Jiwa Kebangsaan*, at the same time as terms such as ‘issues’, ‘problems’, ‘themes’, ‘preoccupations’ and the like are used interchangeably with ‘story’. These terms, in turn, are defined as ‘knowledge’. In making no distinction between story and knowledge, *Jiwa Kebangsaan* assumes that the construction of a story fulfills the function of knowledge-dissemination. The story so constructed is itself perceived and touted as knowledge. The article argues that such a claim is academically untenable.

**Keywords:** knowledge, story, narrative space, structural priority, *Persuratan Baru*.

## Pendahuluan

Dalam buku berjudul *Panggilan Ibunda*, Rosnah Baharudin telah mengumpulkan tiga buah novel dan novelet nukilan tiga orang penulis wanita sebelum merdeka untuk diterbitkan sebagai satu jilidan. Novel dan novelet tersebut ialah *Jiwa Kebangsaan* oleh Kalsum Saadon, *Panggilan Ibunda* oleh kakak beliau Kamariah Saadon dan *Cincin Kahwin* oleh Jahlelawati. Menurut Rosnah yang menulis kata pengantar kepada kumpulan karya ini, setakat ini tidak ada kajian yang telah dilakukan terhadap karyanya tersebut, sedangkan pengabaiannya “bererti sastera Melayu tertinggal satu detik yang penting dan bermakna dalam satu perkembangan pemikiran bangsa Melayu” (Rosnah Baharudin, 1990, hlm.vii)<sup>1</sup>. Dengan memaklumi pengamatan Rosnah itu, makalah ini ingin merungkai novelet *Jiwa Kebangsaan*, sebuah daripada tiga buah karya yang termuat dalam kumpulan *Panggilan Ibunda* itu, terutama soal pengkonsepsian dan pembikinan novelet tersebut, secara khusus peranan dan kedudukan cerita dalam karya tersebut. Lanjutan itu akan disentuh juga implikasi kedudukan dan peranan tersebut kepada pemahaman dan persepsi dunia sastera Melayu kini terhadap karya kreatif itu sendiri. Untuk tujuan tersebut makalah ini akan memanfaatkan gagasan persuratan Baru cetusan Mohd. Affandi Hassan.

## Kerangka Analisis

Seperti yang disebut di atas, makalah ini bertolak daripada gagasan Persuratan Baru (seterusnya PB) cetusan Mohd. Affandi Hassan (seterusnya MAH), khususnya perbezaan yang diajukan antara “ilmu” dan “cerita”. Seperti yang dimaklumi umum,

---

<sup>1</sup> Seterusnya semua kutipan dari Rosnah adalah dari edisi yang sama. Begitu juga, ejaan telah diselaraskan menurut sistem ejaan Dewan Bahasa dan Pustaka.

gagasan ini telah pun dijelaskan dengan teliti oleh pengasasnya MAH dalam tulisan-tulisan beliau.<sup>2</sup> Begitu juga, di kesempatan lain saya telah membicarakan gagasan ini secara agak terperinci.<sup>3</sup> Justeru, untuk tujuan makalah ini, memadailah dirumuskan secara ringkas hujah-hujah MAH itu. MAH mengungkapkan gagasan ini dari tahap konseptual hingga ke tahap praktis, demi mengajukan satu adab-pengertian yang padat dan jitu, dan mampu dimanfaatkan sebagai kerangka untuk urusan menghasilkan karya kreatif dan juga merungkai teks. Di tahap konseptual, PB bertolak daripada keyakinan kepada Allah SWT sebagai Tuhan yang esa, dan manusia sebagai insan yang terikat dengan janji azali untuk menyembah tiada yang lain daripada-Nya. Keyakinan ini dikejapkan dengan konsep *taklif*, yakni “pembebanan hukum atas manusia” (Syah Waliyullah al-Dihlawi, 2005, hlm.15) atau keterikatan dan pertanggungjawaban melaksanakan suruhan seperti yang telah ditetapkan oleh agama. Bertolak daripada keyakinan ini yang disimpulkan dengan tanggungjawab manusia sebagai hamba Allah SWT dan khalifah di muka bumi, MAH beralih kepada landasan penting seterusnya iaitu hakikat ilmu dan amal, yang menuntut agar ilmu yang benar menjadi titik tolak segala amal. Bagi PB bukanlah ilmu yang benar sekiranya ilmu tersebut tidak membawa manusia kepada mengenali pencipta-Nya; begitu juga, sia-sialah amalan sekiranya ia tidak bersandarkan kepada ilmu yang benar. Ini dengan sendirinya menarik perhatian kepada kegiatan menulis. Bersabit hal ini, MAH menarik perhatian kepada Surah al-‘Alaq, yang dengan jelas mengaitkan kalam (Qalam) dengan ilmu. Justeru, terjalin dengan utuh dalam kegiatan menulis ini ialah pertanggungjawaban yang jelas iaitu menyampaikan ilmu yang benar. Berlatarbelakangkan keyakinan yang sedemikian, yang disimpulkan dengan konsep taklif, MAH menangani soal penghasilan karya kreatif (dan kritikan). Dalam mengkonsepsikan penghasilan karya kreatif (dan kritikan) MAH membezakan antara cerita dengan ilmu, dan ini adalah antara titik tolak PB yang terpenting. Dengan membezakan dua perkara ini, PB dengan sendirinya meluaskan ufuk fahaman tentang kegiatan menulis. Kini dua perkara ini mempunyai fungsi, matlamat, ciri yang berbeza, sesuai dengan kedudukan dan peranannya dalam sesebuah karya. Pentingnya perluasan ini dihayati ialah untuk memastikan kalam (tulisan) telah dimanfaatkan sewajarnya iaitu untuk menyampaikan ilmu, dan kegiatan menulis itu tidak menjadi sia-sia, sesuai dengan taklif yang menjadi konsep payung PB tadi.

Di tahap praktis, untuk melaksanakan idea-idea yang digagaskan itu secara konkret, PB, antara lain, mengajukan satu konsep penting iaitu wacana. MAH mendefinisikan wacana seperti berikut:

Wacana ...ialah penceraan maklumat yang telah diberi tafsiran sendiri kerana telah disesuaikan oleh watak berkenaan. Wacana adalah pemikiran berdasarkan maklumat yang disaring daripada sejumlah maklumat yang telah dimatangkan oleh pemikiran berdasarkan konsep ilmu tertentu ...wacana adalah hujah-hujah ilmiah yang digunakan untuk menjelaskan sesuatu persoalan

---

<sup>2</sup> Lihat Mohd. Affandi Hassan 1992, 1994a, 1994b, 2008.

<sup>3</sup> Lihat, antara lain, Ungku Maimunah 2007, 2009.

sehingga dapat dirumuskan ke dalam kesimpulan tertentu. (Mohd. Affandi Hassan, 2004 dalam Ungku Maimunah, 2009, hlm.106).

Definisi di atas dengan jelas menolak data-data yang tidak melalui proses penyaringan dan pematangan, yakni fakta mentah yang dituangkan kembali sepersisnya. Fakta mentah sedemikian, bagi PB, bukannya wacana. Dengan mengetengahkan wacana sebagai mekanisme pengungkapan ilmu, PB jelas membezakan cerita dengan ilmu. Sehubungan itu, wacana bukan saja mampu memastikan perbezaan antara ilmu dan cerita, tetapi memberi luang untuk ilmu diungkapkan dengan selesa, *dan pada masa yang sama* tidak pula menafikan peranan dan kehadiran cerita dalam karya kreatif. Beralih kepada cerita, bagi PB alat-alat penceritaan seperti plot, watak, perwatakan, latar dan sebagainya digembbleng untuk urusan pengisahan, yang merupakan fungsi cerita. Matlamatnya pula ialah memastikan pengisahan tersebut menyediakan laluan-laluan agar wacana dapat diungkapkan dengan cara bersahaja dan selesa. Ini menjadikan cerita sebagai wadah yang mendukung ilmu. Sebaliknya, cerita yang tidak dimanipulasi supaya membuka ruang naratifnya untuk menampung wacana, kekal sebagai cerita yang fungsi dan matlamatnya ialah pengisahan. Dengan cara ini, cerita dan ilmu dibezakan, dan fungsi, matlamat dan ciri masing-masing terpelihara, dan dapat dimanfaatkan dengan sewajarnya. Cara ini dinamakan *stylisation of ideas* (Mohd. Affandi Hassan et al, 2008, hlm.188-194). Seterusnya, PB mengkategorikan karya kreatif yang menyampaikan ilmu sebagai ‘karya persuratan’ sementara karya kreatif yang bercerita sebagai ‘karya sastera’.

Dengan memanfaatkan perbezaan antara ilmu dan cerita, makalah ini ingin merungkai teks *Jiwa Kebangsaan*, untuk menentukan peranan cerita yang sebenar dalam teks tersebut. Adakah alat-alat penceritaan seperti watak, perwatakan, plot, peristiwa dan sebagainya mengisi ruang naratif novelet tersebut bagi tujuan membangun, mengekal, memperpanjang dan menyelesaikan cerita, atau untuk memungkinkan wacana terungkap dan idea dikupas guna membina ilmu. Tegasnya, adakah cerita berperanan sebagai wadah ilmu, malah sebagai ilmu itu sendiri, atau ia sebenarnya adalah cerita yang memang terhenti sebagai cerita semata-mata dan tidak terangkat sebagai wadah ilmu. Dengan kata lain, adakah *Jiwa Kebangsaan* sebuah karya persuratan atau karya sastera?

## Rungkaian Teks

*Jiwa Kebangsaan* ialah sebuah novelet oleh Rayuan Sukma, nama samara Kalsum Saadon, yang disiarkan melalui majalah *Dewan Pujangga* pada bulan Julai 1950 sebagai bilangan 17 majalah tersebut (Rosnah Baharudin, 1990, hlm. xv-xvi). Novelet ini mengisahkan seorang pemuda Melayu Kamaluddin atau Kamal yang digambarkan mempunyai kesedaran menaikkan martabat bangsa dan agamanya. Ia bertemu dengan Siti Kamaliah yang juga bercita-cita sama, dan mereka berkahwin. Cerita diteruskan dengan beberapa peristiwa seperti percubaan Amri memperkosa Siti Kamaliah; Kamal menawar untuk menceraikan Siti Kamaliah agar dapat dikahwini oleh Amri; Rusmina, kawan baik Siti Kamaliah, menawar diri berkahwin dengan Amri; dan Ikhwan, bekas tunang Rusmina berkahwin dengan Azmah, adik Amri. Cerita diakhiri dengan kebahagiaan semua pasangan.

Sesuai dengan tajuknya, *Jiwa Kebangsaan* disulami dengan ungkapan yang menjurus kepada soal kebangsaan dan patriotisme seperti “memperjuangkan nasib rakyat jelata” (Rosnah Baharudin, 1990, hlm.157),<sup>4</sup> “pemuda yang keras hati, bersemangat waja” (hlm. 166), “gadis perjuangan yang betul-betul berjiwa sateria” (hlm. 168) dan sebagainya. Ungkapan tersebut memperakukan hadirnya usaha yang sedar untuk memperjuangkan nusa dan bangsa. Mungkin dalam konteks inilah Rosnah merumuskan bahawa persoalan yang digarap oleh karya dalam jilid tersebut ialah “Persoalan semasa yang dominan di zamannya antaranya nasionalisme, soal kerjasama ke arah satu hasrat penyatuan Melayu Raya, persoalan sosial yang menyangkut perbezaan darjah dan kebebasan memilih jodoh yang sealiran jiwa” (hlm. xvii).

Sejajar dengan hasrat perjuangan ini, Rayuan Sukma menghadirkan Kamal sebagai protagonis, iaitu watak yang diperikan sebagai seorang yang kuat azamnya seperti diakuinya sendiri: “Saya ingin berkhidmat kepada bangsa dan tanah air yang dicintai...Dari itu saya telah berazam moga-moga barang diperkenankan Allah, selagi jiwa yang sihat dan insaf mengalir di hati sanubari saya, saya sedia menggunakan dengan sedap mungkin bagi menjayakan cita-cita yang telah lama di tasik kalbu saya,” (hlm. 156-157). Dan ini semua dikejapkan dengan judul Bab I, iaitu “Cita-cita Murni”, yang juga merupakan bab yang memperkenalkan Kamal.

Selain iltizam, Rayuan Sukma juga mengkonsepsikan pentingnya ilmu pengetahuan bagi pelaksanaan misi yang dipertanggungjawabkan kepada watak ini. Untuk itu, naratif memantapkan perwatakan Kamal sebagai “ulat buku” dan rajin menulis di akhbar. Malah dari ayat pertamanya lagi, naratif telah mengusahakan pembentukan watak yang berpengetahuan:

BAHAWA sesungguhnya tabiat Kamaludin ... tidak suka menonton permainan, dan tidak reda sekali-kali menghabiskan masanya dengan berbual-bual kosong di mana-mana kelab permainan... menjadikan ia gemar bertaulan kepada buku-buku dan surat-surat khabar, serta menjadi sahabat-handai yang seperasaan dan setabiat dengan dia bercakap-cakap dan berbahasa dalam perkara negeri dan hal-ehwal bangsanya (hlm. 151, penegasan dalam teks asal).

Selain memanipulasi pembukaan naratif, iaitu bahagian yang strategik untuk mengejapkan watak Kamal, penulis juga memanfaatkan strategi berkesan dan mempunyai kelebihan iaitu strategi ‘pengarang serba tahu’ untuk memantapkan perwatakan Kamal. Antara lain ialah pengakuan pengarang serba tahu seperti berikut:

...Kamaludin ...seorang pendiam di hadapan si bodoh, tetapi sebaliknya pula di hadapan ahli pengetahuan sangat berani dan garang dan petah dan bijak mengeluarkan tutur katanya seolah-

<sup>4</sup> Seterusnya semua kutipan dari novelet ini ialah dari edisi yang diselenggarakan oleh Rosnah Baharudin, 1990, *Panggilan Ibunda*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

olah ia seorang pendeta. Sebagaimana itu juga ia memilih buku-buku yang seyogia ditatap di waktu kelapangan, kerana ia percaya kepada pepatah orang tua-tua “Sebaik-baik taulan ialah buku-buku yang berfaedah” (hlm. 151)

Selaras itu juga, penulis memanipulasi watak lain seperti ibunya untuk memperkuatkannya perwatakan Kamal sebagai pencinta pengetahuan: “... kau berhempar pulas mengarang itu dan ini, berpidato ke sana ke mari...” (hlm. 156). Seterusnya, selain protagonisnya, dunia novelet ini juga dihuni oleh watak bijak pandai, berilmu dan mempunyai ide tajam dan berenas. Secara khusus ialah Siti Kamaliah, wirawati novelet ini, yang juga diperikan sebagai berjiwa kebangsaan dan berilmu.

Novelet seterusnya memantapkan semangat dan ilmu Kamal dengan menghadirkan bukti konkret kejayaannya iaitu sebuah sekolah yang diberi nama “Sekolah Rakyat Untuk Rakyat” (hlm. 157). Novelet menggambarkan pembinaan sekolah ini sebagai berita “yang menggirangkan hati penduduk-penduduk kampung Kamal khasnya dan seantero Tanah Melayu amnya...” (hlm. 157). Dalam konteks pembinaan cerita secara am, dan fokus makalah ini secara khusus, pembinaan sekolah dan peristiwa berkaitan dengannya adalah penting, seperti yang akan dilihat nanti.

Untuk merayakan pembukaan sekolah tersebut, Rayuan Sukma telah menghadirkan sebuah episod perjumpaan bagi ibu bapa kanak-kanak sekolah tersebut. Pada perjumpaan ini, penulis memanipulasi naratif untuk menampilkan Kamal berucap di khalayak ramai. Apa yang berlaku di sini adalah penting dalam pembinaan novelet ini. Dengan memilih untuk menghadirkan seorang protagonis yang berjiwa kebangsaan, mencintai ilmu, banyak ide, sering menulis di akhbar, petah berpidato, digabung pula dengan peluang untuk bersyarah, suasana yang kondusif kepada penyampaian ide tentang pembangunan masyarakat, serta khalayak yang berminat, Rayuan Sukma sesungguhnya telah membuka ruang naratif *Jiwa Kebangsaan* untuk penggembangan wacana, secara khusus ide-ide berenas yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat. Apa yang berlaku ialah ruang naratif yang telah tersedia untuk isian ide-ide berenas, seperti yang ditawarkan oleh episod ini, telah tidak dimanfaatkan untuk kupasan ide tersebut. Ini tidak pula bererti episod tersebut tidak relevan pada novelet ini; malah ia sangat relevan dan dimanfaatkan sepenuhnya, tetapi untuk tujuan memajukan *cerita* ke hadapan apabila novelet seterusnya menunjukkan Kamal terpegun dan hilang punca perbicaraan apabila ternampak Siti Kamaliah dalam kalangan para hadirin majlis tersebut. Episod ini memperlihatkan dua perkara penting berkaitan makalah ini iaitu: di satu pihak, episod ini jelas tidak menyumbang kepada pembikinan dan perkembangan wacana tentang pembangunan masyarakat; di pihak yang lain, khususnya dalam konteks pembikinan dan kelangsungan cerita, episod ini sangat kritikal kerana ia merupakan detik masuknya wirawati ke dalam cerita, iaitu tempat wirawati diperkenalkan kepada pembaca. Dengan itu cerita kini dapat berkembang dengan kompleksiti dan peristiwa-peristiwa seterusnya yang dimungkinkan oleh kehadiran watak baru ini, seperti yang jelas berlaku dalam perkembangan cerita selanjutnya. Tegasnya, wacana terbantut dan terus pupus, tetapi cerita mendapat tambahan elemen baru, yakni elemen penting untuk urusan perkembangan dan kelangsungan cerita seterusnya. Untuk menjelaskan perkara ini, kutipan di bawah ini

yang agak panjang adalah perlu untuk memperlihatkan bagaimana ruang naratif yang telah tersedia untuk menampung ide dan pemikiran (yang berkaitan dengan pembangunan masyarakat), telah diberi prioriti lain, iaitu cerita. Dengan kata lain, apa yang jelas kelihatan ialah proses memprioritikan cerita berbanding ide dan pemikiran (bahagian-bahagian yang penting telah digariskan; akhir kutipan ialah juga akhir bab berkenaan):

Dengan wajah yang manis ia [Kamaludin] memulakan syarahannya...

“Mercik peluh Kamal ...“Ayuh! Dari sekarang marilah kita bersatu-padu, ... di satu masa kelak segala keinginan kita mungkin tercapai dengan secepat-cepatnya.” Kamal terdiam sebentar...Pendirian Kamal telah menjadi serba salah apabila matanya tertarik kepada barisan yang ketiga di pihak perempuan yang bertudung merah jambu. Seperti suatu karan yang menyambungkan mata kedua-dua remaja yang sama-sama terpegun. ...perawan itu agaknya berasa segan bertentang mata berlama-lamaan. Dengan kemalu-maluhan segera ia menundukkan kepalanya, dengan hati yang tak tetap Kamal menyudahkan bicaranya dengan berkata, “Jadilah dengan setakat ini sahaja, disudahi dengan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ibu bapa dan saudara-saudari...

Saudari Rusmina turut menyumbangkan pidatonya yang penuh dengan semangat yang meluap-luap dan begitulah seturutnya lepas seorang seorang, akhirnya seorang wanita yang hadir bangun member ucapan yang bernas lagi tajam semua mata tertuju kepadanya bertambah-tambah lagi Kamal, kerana wanita yang sedang mengeluarkan kata-katanya yang berapi-api itu tak lain daripada si manis yang menawan sukmanya bertudung merah jambu.

‘Amboi! Siapakah kau wahai perawan yang manis. Sangat lancar dan petah mengeluarkan butir-butir perkataan yang keemasan.’ berkata Kamal dalam hatinya yang penuh ghairah kepada si cantik manis. (hlm. 158-160)

Seperti yang disebutkan sebelum ini, ruang naratif yang tersedia untuk kupasan ide yang berenas, yang mula diisi dengan bibit-bibit idea yang berpotensi, telah dimanipulasi untuk diperuntukkan bagi tujuan cerita. Ini terserlah dengan nyatanya apabila dilihat perkembangan cerita selanjutnya, yang dengan mudah dapat dikesan melalui judul bab-bab seterusnya: “Hatiku Tergoda”, “Perempuan Yang Membawa Kebahagiaan”, “Membalas Dendam” (yang berlegar pada Amri yang cuba memperkosa Siti Kamaliah yang diminatinya sejak awal lagi), dan “Mendaki Gunung Bahagia”. Judul-judul tersebut menunjukkan peralihan prioriti novelet ini kepada kisah percintaan Kamal dan Siti Kamaliah. Sejajar dengan itu soal perjuangan masyarakat dan pembangunan, seperti yang terserlah melalui judul dua bab awal iaitu “Cita-cita Murni” dan “Langkah Pertama”

(pembinaan sekolah sebagai langkah pertama menuju cita-cita murni tersebut), terbantut dan tidak lagi mendapat tempat dalam ruang naratif.

Di tahap ini, satu soalan yang relevan dapat diajukan: tidakkah mungkin peralihan prioriti tersebut ialah kerana Rayuan Sukma memang hendak bercerita tentang pasangan kekasih dan pengalaman pahit manis mereka. Dalam konteks prioriti seperti itu wacana perjuangan jelas tidak relevan, dan itulah sebabnya tidak ada kupasan idea berenas sebagai isian ruang naratif. Dan lagi, perlu ditekankan ketiadaan kupasan idea itu tidak pula mengganggu perkembangan cerita seterusnya. Malah, seperti yang diperlihatkan melalui judul-judul bab di atas, cerita berkembang terus dengan lancarnya.

Berhadapan dengan soalan seperti ini, beberapa perkara perlu diambil perhatian. Sekiranya kisah pasangan kekasih adalah prioriti novelet, sayugia diingat prioriti tersebut tetap menyandarkan cerita dan perkembangannya kepada perwatakan protagonis sebagai seorang yang pintar, berjiwa kebangsaan dan sebagainya, iaitu profil yang begitu teliti dipupuk, khususnya di awal cerita. Ini menunjukkan betapa perwatakan yang demikian adalah kritikal kepada pengkonsepsian dan pembinaan cerita. Begitu juga, dalam perkembangan cerita selanjutnya, ‘hakikat’ kepintaran Kamal dan berenasnya ide Siti Kamaliah tetap dimanipulasi sebagai elemen penting yang mendukung, mengekal dan menyelesaikan cerita *Jiwa Kebangsaan*<sup>5</sup> dengan penyudahan yang bahagia. Sehubungan inilah Rosnah mengamati, “Dalam *Jiwa Kebangsaan* pula dari awal lagi Rayuan Sukma memberi kebahagiaan kepada kedua pasangan kekasih yang sehaluan jiwa dan cita-cita” (hlm. xvii – xviii). Sayugia diingat, jiwa dan cita-cita mereka itu didukung oleh kepintaran dan idea-idea berenas mereka yang diperakukan secara konsisten dalam cerita tersebut. Seterusnya novelet ini akan dibaca hingga ke akhirnya dan dihayati sebagai novelet yang dihidupkan oleh watak-watak pintar dan kaya idea, hatta idea-idea mereka (tentang pembangunan masyarakat itu) tidak wujud dan tidak diwujudkan dalam cerita tersebut. Dengan kata lain, dalam *Jiwa Kebangsaan* soal perjuangan menaikkan martabat bangsa itu diceritakan dan tidak diwacanakan oleh penulisnya. Ini bererti dalam *Jiwa Kebangsaan* cerita diutamakan berbanding wacana dan kupasan idea, yang sekali gus bererti ruang naratifnya sarat dengan cerita dan isian cerita berbanding hujahan dan kupasan idea. Sehubungan ini dapat dikatakan novelet ini lebih berlebaran di tahap cerita berbanding tahap wacana.

Perbincangan di atas berusaha menunjukkan pengutamaan cerita dalam *Jiwa Kebangsaan*. Soal prioriti cerita seterusnya menarik perhatian kepada satu perkara berkaitan yang lebih penting lagi, iaitu soal persepsi terhadap peranan cerita dalam pengkonsepsian dan pembikinan novelet tersebut. Sehubungan ini, tulisan Rosnah tadi adalah penting. Dalam tulisan Kata Pengantar Rosnah menurunkan beberapa pengamatan dan rumusan. Antaranya, Rosnah merujuk kepada nama-nama Kalsum

<sup>5</sup> Dalam bentuk tulisan kritikan yang lumrah ditemui, misalnya, adalah tidak menghairankan sekiranya ‘kepintaran’ Kamal dan Siti Kamaliah itu dibincang di bawah tajuk ‘Watak dan Perwatakan’, iaitu perkara yang lumrah dikenalpasti sebagai elemen *cerita*, yang seterusnya tidak pernah ditinggalkan dalam perbincangan sesebuah teks. Bentuk kritikan serupa ini terserlah dalam perbincangan protagonis *Salam Maria* oleh Kalthum Ibrahim (Kalthum Ibrahim, 2006, hlm. 11-20).

Saadon, Kamariah Saadon dan Jahlelawati yang sering tertinggal dalam pembicaraan tentang penulis wanita, dan beliau menulis, antaranya:

Dengan meninggalkan nama novelis wanita dekat 40-an bererti sastera Melayu tertinggal satu detik yang penting dan bermakna dalam satu perkembangan pemikiran bangsa Melayu. (hlm. vii)

Karya mereka sangat penting untuk dikaji bagi mengetahui bentuk pemikiran penulis wanita khususnya dan wanita zaman novel itu diterbitkan amnya. (hlm. xiv)

...mereka turut sama menggarap persoalan semasa yang dominan di zamannya antaranya nasionalisme, soal kerjasama ke arah satu hasrat penyatuan Melayu Raya, persoalan sosial yang menyangkut perbezaan darjah dan kebebasan memilih jodoh yang sealiran jiwa. Persoalan-persoalan itu sekaligus merupakan topik popular sastera Melayu di periode itu (hlm. xvii)

Dengan terbitnya novel-novel ini peminat dan pencinta sastera Melayu akan dapat menilai ungkapan fikiran novelis wanita Melayu yang telah lama terbenam dalam lipatan sejarah. (hlm. xviii)

Di samping itu pengarang-pengarang ini menjulang idea pertemuan jodoh hasil daripada perasaan saling mencintai dan sealiran jiwa dapat memberi erti kebahagiaan hidup berumah tangga yang sepenuhnya: (hlm. xviii)

...pengarang ketiga-tiga buah novel ini menerapkan konvensi sastera Melayu iaitu berbuat baik dibalas baik terutama sebagai balasan kepada pengorbanan perasaan yang telah dilakukan oleh watak-watak wanita dalam novel ini... Dalam *Jiwa Kebangsaan* pula dari awal lagi Rayuan Sukma memberi kebahagiaan kepada kedua pasangan kekasih yang sehaluan jiwa dan cita-cita (hlm. xvii-xviii).

Kutipan-kutipan di atas memperlihatkan satu perkara penting, iaitu hadirnya beberapa ‘pemikiran’, ‘idea’, ‘persoalan’ dan ‘fikiran’ dalam novel *Jiwa Kebangsaan* (dan juga novel-novel *Panggilan Ibunda* dan *Cincin Kahwin*). Hakikat bahawa Rosnah dapat menyenaraikan beberapa ‘idea’ dan ‘persoalan’ hasil pengamatan serta rungkaiannya novel-novel tersebut, menunjukkan ‘idea’ dan ‘pemikiran’ tersebut dianggap memang terkandung dan ketara dalam karya-karya itu. Sayugia diingat semula bahawa *Jiwa Kebangsaan* mengutamakan cerita dan berlegar di tahap cerita. Ini bererti dalam *Jiwa Kebangsaan* cerita dianggap mampu mencetuskan beberapa ‘persoalan’, ‘idea’ dan ‘pemikiran’ seperti yang diamati oleh Rosnah. Ini menunjukkan bahawa dalam konteks *Jiwa Kebangsaan* cerita muncul sebagai medan tampungan ‘idea’, ‘fikiran’ dan

‘pemikiran’, dan atas kehadiran dan peranannya yang sedemikianlah Rosnah dapat menurunkan rumusan dan pengamatan beliau itu. Dengan kata lain, dalam *Jiwa Kebangsaan* cerita dilihat sebagai medan tampungan ‘idea’ dan ‘pemikiran’ yang sah dan diterima. Dengan peranannya yang sedemikian dan kedudukannya yang diberi prioriti itu, cerita dalam novelet ini jelas disanjung. Dengan kata lain, *Jiwa Kebangsaan* sesungguhnya merayakan cerita.

Perbincangan di atas menghujahkan penerimaan kehadiran dan peranan cerita sebagai medan tampungan ‘idea’ dan ‘pemikiran’ yang sah dan diterima. Ini seterusnya mengundang penelitian beberapa perkara bersangkutan yang tidak kurang pentingnya. Apabila cerita diterima sebagai medan tampungan ‘pemikiran’ dan ‘idea’, perlu diingat bahawa dalam *Jiwa Kebangsaan* ‘pemikiran’ dan ‘idea’ yang diperkatakan itu terhasil daripada cerita dan isian cerita dan bukan daripada wacana dan isian wacana. Rujukan kepada perkara yang dihasilkan oleh cerita sebagai ‘idea’ dan ‘pemikiran’ itu menjadikan soal takrif ‘pemikiran/ide/fikiran’ itu sangat relevan. Jika diteliti tulisan Rosnah tadi, apa yang kelihatan ialah istilah-istilah ‘pemikiran’, ‘fikiran’, ‘idea’, ‘persoalan’, ‘topik’ dan juga ‘tema’ (hlm. xvi) boleh dikatakan tidak dibezakan secara jelas antara satu sama lain dan digunakan untuk merujuk kepada perkara yang sama atau hampir sama. Malah, dalam hal-hal tertentu beberapa istilah boleh dikatakan diguna secara bertukar ganti seperti ‘persoalan’ dan ‘topik’ dan juga ‘pemikiran’ dan ‘persoalan’. Sesungguhnya dalam konteks kritikan sastera, penggunaan istilah seperti ini adalah lumrah, dan mungkin kerana lumrahnya itu, diterima pakai. Dalam konteks yang berbeza saya pernah memperkatakan perkara ini, dan walaupun fokus kajian makalah saya itu tidak berkaitan secara khusus dengan perkara yang dibincangkan di sini, namun pengamatannya dapat memberi gambaran tentang perkara yang diperkatakan ini. Makalah yang ditulis pada tahun 1988 yang memperkatakan bentuk kritikan teks di Malaysia antara lain merumuskan:

Bentuk kritikan seperti ini [teks-sentrik] biasanya mengemukakan format yang serupa (kadangkala dengan sedikit variasi, tetapi ini tidak lari daripada format yang diperkatakan). Format ini membahagikan kajian kepada dua bahagian, iaitu ‘tema’ dan ‘struktur’. Dalam bahagian ‘tema’ (variasi yang dimaksudkan ialah penggunaan istilah lain seperti ‘persoalan’, ‘permasalahan’, ‘pemikiran’ atau istilah-istilah seumpamanya yang sesungguhnya tetap berlegar pada soal ‘tema’) apa yang diperkatakan ialah ‘isi’ karya tersebut. Seringkali ‘isi’ ini ialah jawapan kepada soalan “karya ini tentang apa?”. Sehubungan dengan ini terdapatlah jawapan (‘yang dianggap ‘tema’) seperti ‘kemiskinan’, ‘keruntuhan akhlak’ dan sebagainya. Malah, dalam kritikan seperti ini kerap dijumpai penggolongan tema yang agak stereotaip seperti ‘sosial’, ‘moral’, ‘ekonomi’, ‘politik’, ‘pelajaran’ dan ‘agama’. Menurut daftar ini umpamanya, tema kemiskinan dibincang di bawah tajuk ‘ekonomi’ sementara keruntuhan akhlak dimuatkan di

bawah tajuk ‘moral’ dan seterusnya. (Ungku Maimunah Mohd. Tahir, 1988, hlm. 34)<sup>6</sup>

Walaupun dimanfaatkan untuk konteks lain, kutipan di atas dalam banyak hal memperkuuhkan tanggapan tentang penggunaan beberapa istilah secara tukar ganti dalam penulisan kritikan sastera di Malaysia. Secara khusus, kutipan tersebut menegaskan istilah ‘tema’, ‘persoalan’, ‘permasalahan’ disamaartikan dengan ‘pemikiran’<sup>7</sup>

Berbalik kepada tulisan Rosnah, seperti yang dijelaskan tulisan beliau juga menggunakan istilah-istilah ‘persoalan’, ‘topik’, ‘tema’, ‘fikiran’, ‘idea’ dan ‘pemikiran’ secara bertukar ganti. Penggunaan sedemikian menunjukkan bahawa ‘pemikiran’ di sini ditakrifkan sama seperti atau tidak jauh berbeza dengan ‘persoalan’ atau ‘topik’. Dan ini semua terhasil daripada cerita dan isian cerita, seperti yang dijelaskan di atas.

Apabila takrifan demikian berhadapan dengan gagasan Persuratan Baru yang membezakan antara ‘ilmu’ dan ‘cerita’ secara jelas, maka kedudukan takrif ‘pemikiran’ tersebut perlu diselaraskan. Ini kerana istilah ‘pemikiran’ itu sendiri membawa konotasi yang lebih rapat kepada ‘ilmu’ daripada ‘cerita’. Ini mengundang persoalan sama ada ‘ilmu’ yang dimaksudkan oleh Persuratan Baru itu didasari oleh takrifan yang sama dengan takrifan ‘pemikiran’ seperti yang ketara dalam perbincangan tentang *Jiwa Kebangsaan*.

Seperti yang dijelaskan di awal makalah ini, Persuratan Baru dengan tegas membezakan antara ‘ilmu’ dan ‘cerita’, dan perbezaan dua konsep ini merupakan antara tesis kunci gagasan tersebut. Menurut Persuratan Baru ilmu terhasil daripada isian wacana, yang melibatkan kupasan, perbincangan, perdebatan dan perbahasan ide-ide secara kritis dan tajam. Ilmu juga tidak tertampung dalam cerita kerana cerita tertakluk kepada ilmu dan berbakti untuk penyerahan ilmu tersebut. Justeru, isian cerita dipilih berdasarkan tuntutan ilmu dan bukan tuntutan cerita. Sehubungan ini jugalah karya kreatif yang ditulis berteraskan Persuratan Baru akan dibina, dikekalkan dan diperpanjangkan bukan oleh isian cerita tetapi oleh isian wacana. Cerita hanyalah alat pembawa ide; ia sendiri bukannya ide, dan ia juga bukan medan tampungan ide atau ilmu.

Berbalik kepada soal ‘pemikiran’ itu tadi, walaupun dalam Persuratan Baru istilah ‘pemikiran’ tidak diketengahkan seperti halnya dengan istilah ‘ilmu’, namun daripada

<sup>6</sup> Lihat juga Ungku Maimunah, 1995.

<sup>7</sup> Terlepas daripada pengamatan saya pada tahun 1988 itu, tinjauan tulisan kritikan sastera dewasa ini juga memperlihatkan andaian yang serupa. Umpamanya, latihan ilmiah atau tesis yang memperagakan tajuk seperti “Persoalan Dan Permasalahan Dalam Karya Kreatif Si Polan” sering membuatkan perbincangan atau isi yang tidak jauh berbeza dengan tesis yang menangani tajuk seperti “Persoalan Dan Permasalahan Dalam Karya Kreatif Si Polan” (yang kadangkala diperincikan kepada “Pemikiran Politik (atau sosial atau sebagainya) Dalam Karya Kreatif Si Polan”). Dengan kata lain, “persoalan”, “permasalahan” dan “pemikiran” ditakrifkan sebagai sama. Ini juga berlaku kepada buku, kertas kerja bengkel atau seminar yang memperkatakan “pemikiran” penulis atau karya.

hujahan gagasan ini secara keseluruhannya dan juga tulisan-tulisan Mohd Affandi Hassan secara khusus, ‘pemikiran’ bagi beliau tidak berbeza dengan ‘ilmu’, yang dipasangkan (*informed by*) pada takrifan yang sama. Dengan kata lain, ‘pemikiran’ menurut Persuratan Baru mestilah terhasil daripada isian wacana dan bukan isian cerita. Yang terhasil daripada cerita dan isian cerita tidak dianggap sebagai ‘pemikiran’ oleh gagasan Persuratan Baru. Apabila diterapkan gagasan ini kepada *Jiwa Kebangsaan*, seperti yang dihasratkan oleh makalah ini, maka dakwaan pemikiran yang dikatakan terserlah dalam novelet ini, adalah tertolak.

### Kata Penutup

Makalah ini telah berusaha untuk memperlihatkan kedudukan dan peranan cerita dalam novelet *Jiwa Kebangsaan*. Dengan menggunakan kerangka Persuratan Baru yang membezakan antara ‘ilmu’ dan ‘cerita’, makalah ini menghujahkan bahawa novelet ini mengutamakan cerita berbanding ilmu, dan ini sekali gus meletakkan cerita di kedudukan yang tinggi dalam pengkonsepsian dan pembikinan novelet ini. Di samping itu, makalah ini juga menunjukkan bahawa cerita dalam *Jiwa Kebangsaan* bukan medan tampungan ide, pemikiran atau ilmu tetapi ialah medan tampungan permasalahan, persoalan, isu dan sebagainya yang terhasil daripada cerita dan isian cerita. Seterusnya makalah ini memperlihatkan bahawa takrifan ‘pemikiran’ yang ketara dalam tulisan tentang novelet ini adalah tidak sejajar dengan takrifan ‘ilmu’ Persuratan Baru, iaitu takrifan yang juga boleh dipanjangkan kepada ‘pemikiran’. Dengan kata lain, apa yang diperagakan sebagai ‘pemikiran’ yang terdapat dalam novelet ini tidak dianggap sebagai ‘pemikiran’ oleh Persuratan Baru.

Terlepas daripada rumusan di atas, makalah ini tidak menafikan pemilihan *Jiwa Kebangsaan* sebagai teks kajian mungkin bererti perlu berhadapan dengan tiga kemosyikilan. Pertama, teks tersebut adalah sebuah novelet yang kecil; kedua, ia dihasilkan sebelum merdeka dan ketiga, ia adalah hasil nukilan seorang penulis wanita, iaitu golongan penulis yang sering dipinggirkan, lebih-lebih lagi Rayuan Sukma sendiri, seperti yang dihujahkan oleh Rosnah. Ketiga-tiga sebab ini boleh diajukan (oleh yang mahu berbuat demikian) untuk mengesampingkan *Jiwa Kebangsaan* sebagai teks yang tidak sesuai untuk tujuan penelitian. Namun novelet tersebut sesungguhnya dipilih kerana beberapa kelebihannya, antaranya penelitian *Jiwa Kebangsaan* menawarkan wawasan terhadap beberapa perkara yang penting. Perungkai teks *Jiwa Kebangsaan* memungkinkan makalah untuk memperlihatkan secara mudah dan praktis dua konsep penting yang diajukan oleh Persuratan Baru, iaitu ‘ilmu’ dan ‘cerita’. Ini seterusnya membolehkan penerokaan peranan dan kedudukan cerita. Konsep ‘cerita’ itu sendiri sangat penting difahami memandangkan dunia sastera Malaysia dewasa ini begitu menyokong dan menggalakkan kehadiran dan kesuburan cerita seperti yang dapat dilihat pada pelbagai peraduan menulis novel dan cerpen dan juga pelbagai bentuk anugerah, sama ada tajaan kerajaan mahupun bukan kerajaan, di samping bercambahnya karya kreatif bentuk naratif di pasaran. Dalam konteks seperti ini, pemahaman yang mendalam adalah perlu untuk berlaku adil kepada kegiatan sastera yang cukup subur itu. Seterusnya, pemilihan novelet sebelum merdeka memungkinkan perbincangan untuk memanfaatkan perspektif masa, guna melihat perkembangan yang berlaku dalam tempoh

lebih lima puluh tahun. Berlatarkan pertimbangan tersebut makalah ini memilih *Jiwa Kebangsaan* sebagai teks kajian dan Persuratan Baru sebagai kerangka analisis. Merujuk kepada Persuratan Baru secara khusus, ia dianggap relevan kerana ia merupakan satu-satunya gagasan tempatan yang secara terang-terangan mempertikai dan juga mencabar kedudukan dan peranan cerita, dan seterusnya menawarkan alternatif, yang dikemukakan di tahap konseptual dan juga secara praktis,<sup>8</sup> seperti yang dilihat dalam perbincangan kerangka analisis di atas.

Setelah lebih 50 tahun terhasilnya *Jiwa Kebangsaan*, adalah tidak keterlaluan sekiranya kata penutup ini dimanfaatkan untuk membuat sedikit renungan tentang perkembangan penulisan novel dan cerpen berdasarkan rungkaiannya teks *Jiwa Kebangsaan* itu tadi. Sekiranya cerita menjadi prioriti Rayuan Sukma, adakah perkara yang sama berlaku dalam pengkonsepsian dan penghasilan novel dan cerpen dewasa ini? Contoh terkini novel *Salam Maria*, terbitan 2004, menunjukkan prinsip pengkonsepsian yang sama; malah penggembangan elemen watak jelas membuktikan hakikat ini, seperti yang terserlah dalam perbincangan Kalthum Ibrahim yang memperincikan watak dan perwatakan protagonis seperti yang dirumuskan dalam ayat pertamanya itu: “Novel *Salam Maria* memaparkan cerita tentang watak Maria Zaitun ...” (Kalthum Ibrahim, 2006, hlm. 11). Begitu juga dengan penulisan Siti Aisah Murad yang turut memberi fokus kepada elemen watak dan perwatakan seperti yang jelas pada judul makalahnya, “*Women Characters in the hands of Men Writers*” (Siti Aisah, 2007, hlm. 1-10). Malah, walaupun dipadankan dengan perspektif tertentu seperti *gynocriticism* umpamanya, analisis watak dalam kerangka membikin-cerita masih dapat dikesan (Dharmaletchimi Naidu, 2008). Beralih kepada soal teknik pula, adakah kehadiran dan penggembangan teknik-teknik penceritaan yang serba ‘canggih’ yang disebut “teknik non-konvensional” yang ketara dalam karya kreatif sekarang bererti sudah ada perubahan konsepsi tentang cerita? Ternyata kesenangan *Laporan Panel Anugerah Sastera Negara 2009* (seterusnya *LPASN 2009*) dengan teknik, atau lebih tepat “permainan teknik”, yang diistimewakan lebih daripada cerita pula, jelas menidakkann adanya perubahan: “...menerima kemungkinan bahawa ada kalanya permainan teknik lebih penting daripada cerita” (*LPASN 2009*, 2009, hlm. 34). Begitu juga, adakah cerita tetap dianggap dan diterima pakai sebagai medan tampungan ‘pemikiran’ dan ‘ilmu’, dan lantaran itu apa jua yang dicetuskan oleh cerita dianggap sebagai ‘pemikiran’ dan ‘ilmu’. Dan berkait rapat dengan itu ialah soalan adakah takrif ‘pemikiran’ dunia sastera Malaysia kini masih dipasangkan kepada cerita dan isian cerita, dan lantaran itu lebih merupakan sinonim bagi ‘persoalan’, ‘tema’ ‘permasalahan’, ‘isu’ dan istilah-istilah yang serupa dengannya, yang kewujudannya juga bergantung kepada cerita dan isian cerita? Dengan kata lain, adakah tempoh 50 tahun lebih itu telah membawaakan apa-apa perubahan terhadap persepsi dan pemahaman kita tentang cerita dan gugusan istilah yang berkaitan dengannya? Penelitian *LPASN 2009*, malah semua *LPASN* selama tiga dekad itu membuktikan sebaliknya (Ungku Maimunah, 2009, hlm. 25-65). Semoga makalah ini telah menjentik fikiran kita untuk sama-sama memikirkan jawapannya, dan seterusnya bertindak untuk berlaku adil dengan memberi penilaian yang sewajarnya kepada karya kreatif yang dihasilkan,

<sup>8</sup> Untuk contoh karya kreatif yang diacukan menurut Persuratan Baru, sila lihat Mohd. Affandi Hassan 1997.

dikritik, diadili atau diabadikan sebagai warisan: adakah karya tersebut karya ilmu atau karya cerita semata-mata.

## Rujukan

- Dharmaletchimi Naidu. (2008). *La Barka and Seroja masih di kolam: Women's voice from a gynocritic perspective*. *Malay Literature*, 21(2), 214-235.
- Kalsum Saadon. (1950). Jiwa kebangsaan. Dalam Rosnah Baharudin (peny.), 1990. *Panggilan ibunda*. (hlm. 149-177). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kalthum Ibrahim. (2006). Maria Zaitun dalam *Salam Maria* lambang wanita mukmin masa kini. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 6(1), 11-20.
- Laporan Panel Anugerah Sastera Negara*. 2009. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir & Mohd. Zariat Abdul Rani. (2008). *Gagasan Persuratan Baru: Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, UKM.
- Mohd. Affandi Hassan. (1997). *Pujangga Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd. Affandi Hassan. (1994a). *Medan-medan dalam sistem persuratan Melayu: Sanggahan terhadap syarahan perdana Prof. Dr. Muhammad Hj. Salleh (Sarjana dan Sasterawan Negara)*. Kota Bahru: Penerbit Tiga Puteri,
- Mohd. Affandi Hassan. (1994b). Pemikiran dan pendekatan dalam kritikan sastera Melayu moden. Dalam *Kesusasteraan Melayu mitos dan realiti : Esei/Kritikan hadiah Sastera Malaysia 1988/1989*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka,
- Mohd. Affandi Hassan. (1992). *Pendidikan Estetika daripada pendekatan tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosnah Baharudin. (1990). Kata Pengantar. Dalam Rosnah Baharudin (peny.), 1990. *Panggilan ibunda* (hlm. vii-xviii). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Siti Aisah Murad. (2007). Women characters in the hands of men writers. *Malay Literature*, 20(2), 1-10.
- Syah Waliyullah al-Dihlawi. (2005). *Hujjah Allah al-Balighgh. Argumen puncak Allah: Kearifan dan dimensi batin syariat*. Jakarta: Pt. Serambi Ilmu Semesta.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2009). *Dinamika pemikiran Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2007). *Kritikan Sastera Melayu: Antara Cerita Dengan Ilmu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (1988). Politik Sastera: Dominasi kritikan teks dalam Sastera Melayu Moden. *Dewan Sastera*, Julai, hlm. 34-37.

### **Penulis**

Ungku Maimunah Mohd. Tahir (Ph.D) ialah Profesor dan Felo Penyelidik Utama, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau ialah Kritikan Sastera, Teori Sastera, Teori Kritikan dan Sastera Bandingan. Beliau kini berusaha untuk memantapkan anjakan baru dalam kritikan sastera Melayu, khususnya melalui gagasan Persuratan Baru.